

Tema: ALAM SEKITAR
Topik: **Pencemaran Alam Sekitar**

LATIHAN KARANGAN 5

Tajuk karangan: **Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Pencemaran Alam Sekitar**

Baca karangan ini kemudian **lengkapkan ruang 1 hingga 10** dengan pilihan perkataan atau rangkai kata yang paling sesuai dalam kotak di bawah ini.

pembuangan sampah	tidak ditangani
kesan pencemaran kepada pantai	dikesan oleh pihak yang berkuasa
Selain itu, sisa buangan seperti minyak hitam	batu karang dan laut di negara kita akan musnah
sungai dan terusan	Hidupan laut akan pupus
Kegiatan pelancongan dan rekreasi di sepanjang pantai peranginan	Sementara itu, sampah sarap

Pencemaran di laut semakin menjadi-jadi. Masalah ini berlaku kerana perbuatan **1**_____ ke dalam laut suka **2**_____. Jika perbuatan membuang sampah ke dalam laut ini **3**_____ sudah tentulah ekosistem **4**_____.

5_____ juga berisiko tinggi terhadap hidupan laut. **6**_____ sekiranya keadaan seperti ini berlaku berterusan.

7_____ dari daratan yang dibawa ke laut melalui **8**_____ turut memberikan **9**_____ yang selama ini indah dan menjadi daya penarik pengunjung. Keadaan ini akan menyebabkan **10**_____ akan berkurangan.

Sila **lengkapkan ruang 11 hingga 25** dengan pilihan perkataan atau rangkai kata yang paling sesuai dalam kotak di bawah ini.

ekologi	sumber makanan	suhu setempat
penerokaan	kurang subur	terganggu
keseimbangan	pertanian	spesies
habitat	hakisan	tanah runtuh
haram	haiwan liar	kesan buruk

Kegiatan pembalakan yang tidak dirancang membawa **11**_____ terhadap alam sekitar kerana kegiatan ini dapat memusnahkan **12**_____ haiwan liar. Pembalakan **13**_____ dan pembalakan yang tidak dikawal boleh menyebabkan kemusnahan **14**_____ hutan yang boleh membawa kepada perubahan **15**_____.

Penebangan dan **16**_____ hutan yang keterlaluan menyebabkan kepupusan **17**_____ pokok serta dapat menyebabkan habitat haiwan liar **18**_____ dan mengakibatkan kepupusan **19**_____ seperti gajah, badak dan harimau. Hal ini kerana haiwan tersebut kehilangan kawasan habitat dan **20**_____.

Selain itu, kegiatan penebangan hutan untuk **21**_____ juga akan menyebabkan permukaan tanah terdedah kepada **22**_____ tanah dan **23**_____ terutama apabila berlaku hujan lebat. Aktiviti pertanian yang dijalankan secara berterusan juga akan menyebabkan tanah menjadi **24**_____.

Oleh itu, jelaslah bahawa kegiatan pembalakan dan pertanian yang dilakukan tanpa kawalan akan menjejaskan **25**_____ alam sekitar.